

## **TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

## **MAJLIS APRESIASI PENERBITAN UTeM 2019**

*6 Disember 2019, Kampus Teknologi, 3.00 petang*

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanirrahim, Assalaamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkifilie Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berusaha Encik Mohd Isa Mohd Dom**  
Ketua Pegawai Maklumat

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita berkumpul dan bertemu pada petang ini bersempena Majlis Apresiasi Penerbitan UTeM 2019.

2. Majlis yang julung kalinya diadakan ini bertujuan untuk meraikan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku di UTeM terutamanya para penulis dan Ahli Jawatankuasa Penerbitan Ilmiah Universiti dan Jawatankuasa Penerbitan Karya Kreatif.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

3. Kita semua akui bahawa, untuk menghasilkan sebuah buku yang baik dan sempurna sifatnya, selain yang boleh dibaca oleh semua golongan, bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan penglibatan dari banyak pihak dalam gerak kerja penghasilan sesebuah buku tersebut.
4. Fasa kerja yang terlibat bermula dari peringkat menterjemahkan idea asal penulis untuk menjadi sebuah manuskrip, sehingga akhirnya menjadi sebuah buku yang berkualiti, seperti yang bakal kita dilancarkan sebentar lagi.

5. Dengan adanya penerbitan yang berkualiti dan diterima umum, ia akan menyemarakkan lagi agenda kesarjanaan ilmu, sekali gus memperhebatkan lagi industri perbukuan terutamanya di UTeM sendiri. Usaha murni ini ternyata dapat meningkatkan lagi citra positif UTeM sebagai sebuah institusi perkembangan ilmu terpenting di Negara ini.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

6. Kepentingan industri buku dan dunia penerbitan ini tidak dapat disangkal lagi. Industri perbukuan merupakan salah sebuah industri yang penting dan semakin berkembang dengan pesat di Malaysia, dengan nilai ekonominya mencecah RM2 bilion setahun. Ia juga merupakan industri yang terpenting di seluruh pelusuk dunia.
7. Atas faktor permintaan yang semakin meningkat, penganjuran program ilmiah seperti pesta dan pameran buku semakin kerap dianjurkan, dengan penglibatan dari

pelbagai pihak dan pemain industri buku dari seluruh dunia.

8. UNESCO menyatakan bahawa, tanda aras bagi sesebuah negara maju, memerlukan menerbitkan bahan penerbitan sekurang-kurangnya satu peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.
9. Bagi tahun 2019, jumlah keseluruhan penduduk Malaysia adalah sekitar 32.6 juta, yang mana 29.4 juta daripadanya merupakan warganegara.

10. Justeru itu, untuk bergelar negara maju, bahan penerbitan yang dihasilkan oleh Negara kita mestilah sekurang-kurangnya berjumlah 300,000 penerbitan.
11. Namun, berdasarkan statistik judul buku didaftarkan di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, jumlah buku yang diterbitkan pada tahun 2018 hanya sekitar 20,000 judul sahaja, secara jelas menunjukkan bahawa negara kita masih belum mampu bergelar sebagai sebuah negara maju.

12. Sekiranya golongan akademik dan ilmuwan negara menyumbang dan berkongsi ilmu serta kepakaran mereka kepada umum dalam bentuk penerbitan buku, pastinya jumlah 300,000 judul setahun, menjadi sesuatu yang tidak mustahil untuk dicapai.
13. Seperti UTeM sendiri, yang memiliki kekuatan lebih daripada 800 orang ahli akademik, jika setiap seorang daripada ahli akademik Universiti ini menghasilkan sebuah buku setahun, saya pasti ia akan melonjakkan kredibiliti UTeM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi

yang bersungguh-sungguh menyahut dan merealisasikan hasrat kerajaan dalam memperkasakan lagi penerbitan bahan ilmiah di negara ini .

14.Oleh yang demikian saya ingin menyeru semua pihak untuk bersama-sama berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan jumlah penerbitan buku berkualiti, yang relevan dengan keperluan masyarakat dan industri.

15. Melalui buku, segala ilmu akan tetap terus diwarisi sepanjang zaman. Ianya sumber negara yang tidak terkira nilainya. Ilmu dan kepakaran yang dimiliki seharusnya perlu dikongsi sesama kita, supaya kebaikannya dapat kita nikmati bersama, demi kemajuan diri sendiri, masyarakat dan negara. Inilah tanggungjawab kita bersama, untuk saling melengkapi antara satu sama lain khususnya dalam memantapkan lagi ekosistem akademia, industri dan masyarakat.

## **Hadirin dan hadirat sekalian,**

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah pada majlis hari ini kerana telah memberikan komitmen dan kesungguhan yang jitu serta memainkan peranan besar terhadap penerbitan universiti.
  
17. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada penulis buku yang bakal dilancarkan pada petang ini, kerana berjaya menyemarakkan lagi penghasilan buku

di UTeM. Teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan, Let's RISE together!

18. Akhir kata, jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Penerbit Universiti dah ahli Jawatankuasa Penerbitan Ilmiah Universiti serta Jawatankuasa Penerbitan Karya Kreatif yang telah bertungkus-lumus selama ini dalam menjayakan penerbitan buku di UTeM.

Mekar angsana pandang tak jemu,  
Bunganya luruh ke dalam raga,  
Buku laksana lautan ilmu,  
Dasarnya penuh mutiara berharga.

19. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim saya dengan ini merasmikan Majlis Apresiasi Penerbitan UTeM 2019 serta pelancaran buku terbitan UTeM bagi tahun 2018 dan 2019.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh